



KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

**PENJELASAN ISU TULAR : 'STUDENT'S CITIZENSHIP STATUS HINDERS  
EDUCATION DREAMS'**

---

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin merujuk kepada satu (1) hantaran video yang tular di media sosial dan turut dilaporkan oleh akhbar New Sarawak Tribune pada 7 Julai 2023 mengenai keluhan Liana Sari anak Santud yang tidak mempunyai kad pengenalan menyukarkan beliau untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Berdasarkan semakan dan siasatan JPN terhadap aduan tersebut mendapati Liana mempunyai Sijil Kelahiran berstatus Taraf Kewarganegaraan 'Belum Ditentukan' disebabkan ibu dan bapa beliau tidak memiliki dokumen pengenalan diri semasa kelahirannya.

Selanjutnya semakan mendapati ibu beliau ada memohon Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS) dan permohonan tersebut telahpun diluluskan baru-baru ini. Namun rekod JPN mendapati, Liana belum pernah mengemukakan sebarang permohonan kad pengenalan rasmi di JPN.

Oleh yang demikian Unit MEKAR JPN Sibu, akan hadir ke kediaman keluarga Liana dalam masa terdekat dan memberikan khidmat nasihat berkaitan kelayakan di bawah peruntukan dan undang-undang yang berkuatkuasa yang boleh dimohon oleh beliau untuk memperoleh dokumen pengenalan diri. Setelah menerima permohonan tersebut pihak JPN akan memproses dan mempertimbangkan keputusannya.

JPN ingin menasihati orang ramai yang mempunyai sebarang kemusykilan dan kekeliruan berkaitan perkhidmatan JPN, boleh hadir ke mana-mana pejabat JPN termasuk 51 pejabat JPN di Negeri Sarawak untuk mendapatkan penjelasan dan khidmat nasihat berkaitan.

**TAMAT.**

**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

**8 JULAI 2023**

---

*Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.*

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendaftaran Negara  
Telefon: 03-8880 7077 | E-mel: pro@jpn.gov.my*